

**APPLICATION OF QARINAH AND CYBER DOCUMENT EVIDENCE IN DEVIANT TEACHING CASES**

**APLIKASI QARINAH DAN KETERANGAN DOKUMEN SIBER DALAM KES AJARAN SESAT**

Kamalin Mastura Mohd Kamil <sup>i</sup>, Mohamad Azhan Yahya <sup>ii</sup>, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif <sup>iii</sup>,  
 Ahmad Azam Mohd Shariff <sup>iv</sup>, Muhammad Sayuti Hassan@Yahya <sup>v</sup> & Faezy Adenan<sup>vi</sup>

- <sup>i</sup> Mahasiswa, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, a189073@siswa.ukm.edu.my
- <sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. azhan@ukm.edu.my
- <sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. izzatamsyar@ukm.edu.my
- <sup>iv</sup> Profesor Madya, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. aazam@ukm.edu.my
- <sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. sayutihassan@ukm.edu.my
- <sup>vi</sup> Pensyarah Kanan. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Malaysia. faezyadenan@uitm.edu.my

Received: 6 June 2025

Article Progress  
 Revised: 1 July 2025

Accepted: 12 July 2025

<b>Abstract</b>	<p><i>A deviant teaching is one that deviates from the tenets or teachings of Islam. Over time, the spread of such teachings has increasingly taken place on social media platforms like Facebook, TikTok, and X. Electronic documents can be submitted as evidence during the prosecution stage of deviant teachings in cyberspace in court, however, there are still no specific provisions under the Syariah legal framework outlining the requirements or methods of proving such evidence. This writing aims to identify the problems existing within the current Syariah court legislation and to propose improvements for the identified issues. The writing is conducted by examining legal texts and then analyzed qualitatively. Among the primary and secondary sources referenced include statutes, decided cases, and journal articles. Methods of analysis and critique were applied to the data collected. The writing finds that the definition of qarinah under Syariah court evidence law remains unclear, leading to ambiguous application and presentation in court. Additionally, the writing finds that the proof of electronic documents is clearly stated under civil law through section 90A of the Evidence Act 1950. Therefore, this writing suggests that specific provisions mirroring section 90A be incorporated into the Syariah legal framework for the purpose of proving electronic documents in court.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Deviant Teachings, Deviant Teachings in Cyberspace, Qarinah, Syariah Evidence, Proof of Electronic Documents.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Ajaran sesat merupakan ajaran yang menyimpang dari akidah atau ajaran agama Islam. Seiring dengan masa, penyebaran banyak dilakukan di media sosial seperti Facebook, TikTok dan X. Bagi tujuan pendakwaan jenayah ajaran sesat di alam siber, dokumen elektronik boleh dikemukakan sebagai keterangan</i></p>

*di mahkamah namun masih belum ada peruntukan spesifik di bawah kerangka undang-undang syariah yang menyenaraikan keperluan ataupun cara pembuktiannya. Penulisan ini mensasarkan untuk mengenal pasti permasalahan yang wujud dalam perundangan mahkamah syariah sedia ada serta mensasarkan untuk memberi cadangan penambahbaikan bagi masalah yang telah dikenal pasti. Penulisan dilakukan dengan melihat kepada teks perundangan dan kemudian dianalisis secara kualitatif. Antara sumber-sumber primer dan sekunder yang dirujuk termasuk statut, kes-kes yang telah diputuskan, serta jurnal artikel. Kaedah analisis dan kritis telah dilakukan ke atas data yang dikumpulkan. Penulisan mendapati bahawa pendefinisan qarinah di bawah undang-undang keterangan mahkamah syariah masih tidak jelas menyebabkan pengaplikasian dan pengemukaannya di mahkamah menjadi tidak jelas. Di samping itu, penulisan mendapati bahawa pembuktian dokumen elektronik telah dinyatakan dengan jelas di bawah undang-undang sivil melalui seksyen 90A Akta Keterangan 1950. Justeru, penulisan ini mencadangkan supaya peruntukan spesifik yang mencontohi seksyen 90A ini dimasukkan ke dalam kerangka undang-undang syariah bagi tujuan pembuktian dokumen elektronik di mahkamah.*

*Kata Kunci: Ajaran sesat, Ajaran sesat di alam siber, Qarinah, Keterangan Syariah, Pembuktian Dokumen Elektronik.*

## PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan, ajaran dari segi bahasa bermaksud setiap sesuatu yang diajarkan, ataupun merupakan nasihat, petunjuk, teori atau hukuman. Manakala sesat dari segi bahasa pula bermaksud tidak mengikut jalan yang betul, tersalah atau tersilap jalan, terkeliru atau menyimpang dari jalan yang benar. Perkataan “ajaran sesat” pula didefinisikan sebagai ajaran yang terpesong dari akidah atau syariat agama Islam (Kamus Dewan, 2017).

Di Malaysia, gerakan ajaran sesat telah dikesan bermula sejak tahun 1950-an lagi yang pada ketika itu kebanyakannya bergerak secara senyap-senyap dan tidak disedari. Namun, seiring dengan masa, semakin banyak ajaran sesat yang tersebar dan mempunyai ramai pengikut seperti Ajaran Ayah Pin yang difatwakan sesat oleh Jabatan Mufti Terengganu pada tahun 1997. Pada zaman moden ini, penyebaran ajaran salah ini selalunya dilakukan melalui hantaran di media sosial seperti Facebook, YouTube, X dan TikTok sama ada dalam bentuk video ataupun melalui pertemuan secara atas talian.

Sebagai contoh, Kelompok Millah Abraham@Ibrahim yang difatwakan sesat pada tahun 2015 oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menyebarkan ajarannya yang menggabungkan ajaran di dalam Al-Quran, Bible dan Taurat melalui Facebook dan ada juga dilakukan melalui kelas Al-Quran secara atas talian. Kelompok ini menegaskan bahawa Islam seperti yang dibawakan oleh Rasulullah SAW telah menemui akhirnya sejak jatuhnya kerajaan Islam dan kini digantikan dengan satu agama yang baharu iaitu Millah Abraham@Ibrahim dan mereka ini juga menidakkankemanduaan solat lima waktu dan solat jumaat (Ruwaida Md Zain, 2022). Seterusnya, the Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL) yang tular di TikTok melalui akaun milik ketua atau Bishop ajaran ini. Ajaran ini mengajak orang ramai untuk sama-sama menjadi pengikut Imam Mahdi yang didakwa telah muncul pada masa ini dan pengikut ajaran ini percaya kepada konsep *reincarnation* (penjelmaan semula), serta percaya bahawa utusan Tuhan itu bukannya golongan Nabi dan Rasul tetapi sebenarnya merupakan daripada beberapa manusia hebat daripada agama-agama lain seperti Moses, Nabi Ibrahim, Zeus, Aristotle, Socrates, Nabi Isa dan Nabi Muhammad SAW serta banyak lagi (Sinar Harian, 2024). Di samping TikTok, penyebaran ajaran ini juga dilakukan melalui saluran YouTube yang mempunyai bilangan pengikut mencecah puluhan ribu dan juga lebih ratusan video telah dimuat naik.

Pada peringkat pendakwaan ajaran sesat di alam siber, seorang pendakwa mestilah mengemukakan keterangan yang cukup bagi menyokong pertuduhan ke atas tertuduh. Keterangan dokumen merupakan antara keterangan yang boleh diterima di mahkamah syariah dan ini termasuk dokumen elektronik dan setiap dokumen yang dikemukakan perlu dibuktikan. Bagi pembuktian dokumen elektronik, masih belum ada peruntukan spesifik yang menyenaraikan keperluan ataupun cara pembuktiannya. Hal ini merupakan satu masalah yang perlu diatasi segera kerana dengan peningkatan kesalahan jenayah syariah di alam siber terutamanya kesalahan ajaran sesat, sudah semestinya dokumen elektronik akan dibawa masuk sebagai keterangan di mahkamah syariah pada peringkat pendakwaan. Berbeza dengan undang-undang sivil, peruntukan tentang pembuktian dokumen elektronik sudah pun ada dalam seksyen 90A Akta Keterangan 1950. Justeru, peruntukan mengenai pembuktian dokumen elektronik di bawah undang-undang syariah dilihat sebagai perlu dalam mengawal selia kesalahan jenayah syariah yang berlaku di alam siber. Perkara ini akan melahirkan sistem undang-undang syariah yang lebih lengkap dan efisien dalam mentadbir orang Islam di Malaysia.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian menggunakan kaedah perundangan tulen (*law in text*) yang melihat kepada teks perundangan yang sedia ada (Kamel, Adibah & Azhan, 2021). Penulisan ini juga menggunakan kaedah penulisan kualitatif. Bagi tujuan penulisan ini, kajian perpustakaan juga dilakukan untuk mencari bahan-bahan seperti jurnal artikel dan kes-kes mahkamah syariah berkaitan pembuktian dokumen elektronik di mahkamah syariah. Sumber primer bagi penulisan ini adalah statut dan akta syariah dan juga sivil serta kes-kes yang berkaitan manakala jurnal artikel serta berita dalam talian merupakan antara sumber sekunder.

Di dalam penulisan ini, dengan maklumat dan data yang telah dikumpulkan, analisa perbandingan undang-undang syariah dan sivil akan dilakukan secara kritis bagi melihat sama ada penambahbaikan kepada undang-undang syariah boleh dilaksanakan melalui pengadaptasian undang-undang sivil yang sedia ada ataupun tidak. Analisis kritis juga akan dilakukan supaya pengkaji dapat melihat dengan lebih jelas dan memahami dengan lebih mendalam tentang masalah sebenar yang wujud serta menilai kesesuaian cadangan yang hendak dikemukakan.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

#### **Kesalahan Ajaran Sesat**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendefinisikan ajaran sesat sebagai ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam ataupun orang bukan Islam yang dikatakannya bertepatan dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam tetapi sebenarnya ia adalah berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan Al-Qur'an dan As-Sunnah (MAIS, 2023). Ajaran sesat ini merujuk kepada ideologi atau praktis yang mengaburkan serta menyelewengkan ajaran Islam yang tulen. Ia mungkin melibatkan tafsiran yang salah atau penambahan unsur-unsur yang tidak diiktiraf oleh sumber-sumber utama Islam. Misalnya, ajaran yang mengubah rukun iman dan rukun Islam, memperkenalkan ritual atau upacara yang tiada asas dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah, atau menyebarkan doktrin yang mengelirukan umat tentang konsep ketuhanan, kenabian, dan hukum-hukum syariah.

Ajaran sesat juga sering menggunakan nama Islam untuk menjustifikasi kewujudan dan penyebarannya, membuatkan pengikutnya percaya bahawa mereka sedang mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Namun, ajaran ini bukan sahaja menyeleweng dari segi akidah tetapi juga boleh membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam, mengganggu keharmonian masyarakat, dan menimbulkan kekeliruan serta konflik yang serius. Sebagai seorang Muslim, semua perlulah berpegang dan beramal dengan ajaran Islam yang benar dan hanya menyembah Allah sebagai Tuhan berdasarkan kepada Firman-Nya dalam surah al-An'am ayat 56:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah yang lain daripada Allah. Katakanlah lagi: 'Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu, kerana kalau aku turut, sesungguhnya sesatlah aku dan tiadalah aku daripada orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” (al-Quran. Al-An’am: 56).

Antara contoh kesalahan ajaran sesat ini boleh dilihat melalui ajaran Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas Ismail bin Kassim (PERAHMAT). Ajaran ini merupakan penyelewengan yang membawa fahaman yang menyesatkan dimana mereka mengajar bahawa Allah SWT mempunyai jisim, menyerupai makhluk dan juga hulul iaitu zat Allah SWT dan zat makhluk bersatu dalam diri sesuatu makhluk itu. Pengikut ajaran ini diwajibkan untuk mempelajari Zikir Nafas kerana hanya dengan cara itu sahaja mereka boleh mencari Allah dan mereka juga percaya bahawa akan terbatalnya rukun Islam iaitu mengucap dua kalimah syahadah, sekiranya mereka tidak beramal dengan Ilmu Syahadah yang diajarkan oleh Ismail bin Kassim. (Noor Raihan Jusidin & Zuliza Mohd Kusrin, 2018). Rakaman video tentang ajaran ini telah dimuat naik ke aplikasi YouTube di halaman Perahmat Media Broadcast.

Suatu pendakwaan di mahkamah syariah perlu tertakluk kepada prosedur atau tatacara yang disenaraikan di dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor 2003 contohnya, di mana prosiding pendakwaan boleh didapati di bawah Bahagian V dan mengandungi 10 Bab. Seksyen 74 menjelaskan bahawa keizinan daripada Ketua Pendakwa Syarie untuk memulakan pendakwaan adalah diperlukan bagi kesalahan di bawah seksyen 4, 8, 9, 12 atau 13 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Kesemua peruntukan berkaitan dengan kesalahan ajaran sesat yang telah disenaraikan dalam perbincangan di atas adalah tertakluk kepada Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Hal ini bermakna sebelum pendakwaan dimulakan bagi kes-kes ajaran sesat tersebut, pendakwa perlulah mendapat keizinan daripada Ketua Pendakwa Syarie terlebih dahulu.

Bagi pendakwaan mana-mana kesalahan jenayah syariah termasuk kesalahan ajaran sesat, seorang tertuduh akan dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya. Justeru, pendakwa perlulah membuktikan bahawa tertuduh benar-benar melakukan jenayah yang dituduh ke atasnya dan tertuduh juga mempunyai peluang untuk menyangkal serta menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan dengan berlandaskan kepada prinsip-prinsip syariah.

## **Kekuatan *Qarinah***

### ***Qarinah***

Dalam proses pendakwaan kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah, konsep *qarinah* perlu dipenuhi untuk sabitan sesuatu kesalahan. Pada bahasa, *qarinah* bermaksud beserta, bersama, bersahabat. Manakala dari segi istilah, ia bermaksud sesuatu perkara yang menjadi dalil ada atau tiadanya sesuatu. *Qarinah* juga bermaksud setiap tanda yang jelas yang menunjukkan keberadaan sesuatu yang tersembunyi (Lukman Abdul Mutalib et.al, 2018). Abdul Karim Zaidan (1997) menjelaskan bahawa *qarinah* adalah bukti yang dapat menunjukkan adanya atau tiadanya sesuatu isu. Selain itu, Ahmad Fathi al-Bahnasi (1989) mengatakan *qarinah* adalah penghubung penting antara kebenaran suatu kejadian dan hasil yang membantu hakim membuat keputusan. Pada masa yang sama, Dr. Wahbah al-Zuhaili menerangkan bahawa dalam *qarinah*, ada dua elemen yang perlu dipenuhi iaitu pertama, adanya fakta yang jelas sebagai dasar keputusan, dan kedua, adanya hubungan antara fakta yang jelas itu dengan fakta yang menjadi pertikaian atau fakta yang tidak diketahui. Menurut seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, "*qarinah*" ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebutkan dalam Enakmen ini.

Dalam konteks perbicaraan, pendakwa perlulah mewujudkan keterangan yang boleh menyokong kebenaran tuduhan ke atas tertuduh. Sekiranya *qarinah* yang dikemukakan adalah relevan atau berkaitan kepada fakta kes, mahkamah boleh mendengarnya dan sekiranya *qarinah* itu merupakan *qarinah* yang kuat, maka mahkamah boleh menggunakannya sebagai sebahagian

daripada asas penghakiman (Ahmad Azam et al, 2022). Keperluan untuk mengemukakan keterangan yang kuat ini bukan sahaja bertepatan dengan konsep *qarinah al zahirah* malah bertepatan dengan perintah Allah yang menggesa agar siasatan dilakukan bagi mencari dan menentukan kebenaran di sebalik berita yang tidak dapat dipastikan kesahihannya. Firman Allah dalam surah al-Hujuraat ayat 6 yang bermaksud:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ تَالِيمِينَ﴾

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (menengainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan” (al-Quran. Al-Hujuraat: 6).

Bagi menepati prinsip *qarinah al zahirah* atau *qarinah qawiyah* yang diujahkan oleh Ibn Qayyim, fakta-fakta yang dikemukakan mesti berkesinambungan dan sokong-menyokong antara satu sama lain sehingga menjadikannya suatu keterangan yang kuat di mahkamah. *Qarinah al zahirah* merujuk kepada bukti yang jelas dan nyata, seperti saksi mata atau bukti fizikal yang langsung, manakala *qarinah qawiyah* adalah bukti kuat dan meyakinkan, yang membentuk rangkaian fakta logik yang menyokong kes. Untuk diterima sebagai *qarinah* yang kuat, bukti-bukti mesti berhubung secara logik, konsisten, masuk akal dalam konteks kes, dan mempunyai kaitan langsung dengan isu utama. Prinsip ini memastikan keputusan mahkamah dibuat berdasarkan bukti yang kukuh dan boleh dipercayai. Dalam memenuhi prinsip ini, prinsip rantaian keterangan juga dapat dipelihara. Pada peringkat pendakwaan di mahkamah, kejayaan pendakwa dalam membuktikan rantaian keterangan tetap bersambungan dan ada kesinambungannya menerusi pembuktian wujudnya kelangsungan pergerakan keterangan bukan sahaja akan mengukuhkan keterangan *qarinah* yang dikemukakan malah dalam masa yang sama akan menjamin keadilan dalam proses tersebut (Ahmad Azam et al., 2022).

Sebagai contoh, di dalam kes *Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Fatimah [1987] JH V Bhg II 321*, kes ini merupakan kes dakwaan kesalahan zina di mana tertuduh dalam kes ini mengaku tidak bersalah. Walaubagaimanapun, mahkamah tetap mensabitkan tertuduh dan menjatuhkan hukuman berdasarkan tiga fakta utama, pertama, pengakuan tertuduh yang melahirkan anaknya tanpa melakukan akad nikah. Kedua, kehamilan dan kelahiran anak itu sebagai bukti telah berlaku persetubuhan dengan lelaki dan ketiga, persetubuhan luar nikah yang diklasifikasikan sebagai zina. Aspek keterangan dalam kes ini melibatkan fakta persoalan yang perlu dijawab iaitu sama ada tertuduh telah berzina ataupun tidak. Kemudian, fakta persoalan tersebut dibuktikan dengan fakta-fakta berkaitan, yakni tiga fakta utama tersebut. Tiga fakta ini adalah merupakan *qarinah* yang menjadi asas dalam penghakiman bagi hakim membuat keputusan.

Berdasarkan kes di atas, dapat dilihat bahawa pengakuan tertuduh melahirkan anak tanpa nikah, kehamilan dan kelahiran anak sebagai bukti persetubuhan, serta fakta persetubuhan tanpa nikah adalah *qarinah* yang jelas. *Qarinah* ini membantu mahkamah membuat kesimpulan bahawa tertuduh telah melakukan zina. *Qarinah* memainkan peranan penting dalam proses penghakiman kerana ia menyediakan bukti tidak langsung yang menyokong fakta utama kes. Dalam konteks ini, *qarinah* membantu mahkamah menghubungkan peristiwa yang berlaku dengan tindakan tertuduh, yang akhirnya membawa kepada sabitan kesalahan (Azhan, Hammad & Suhaizad, 2021). Oleh itu, meskipun tidak terdapat keterangan langsung mengenai perbuatan zina di dalam kes di atas, *qarinah* yang ada sudah cukup untuk mensabitkan kesalahan tertuduh berdasarkan prinsip-prinsip keterangan dalam undang-undang syariah.

Bagi tujuan pendakwaan, setiap keterangan yang dikemukakan perlulah dibuktikan tanpa adanya sebarang keraguan. Untuk kesalahan ajaran sesat di alam siber, antara keterangan yang boleh dikemukakan kepada mahkamah adalah dalam bentuk dokumen elektronik. Pada masa ini, kerangka

undang-undang syariah hanya merangkumi pembuktian bagi dokumen bertulis dan masih belum ada peruntukan spesifik bagi prosedur ataupun keperluan bagi pembuktian dokumen elektronik.

### **Kaedah Fiqh: Keyakinan tidak Hilang dengan Keraguan (Yaqin)**

Pada asasnya, kaedah fiqh merupakan prinsip-prinsip umum yang berdasarkan kepada hukum-hukum syarak yang umum dan selari dengan permasalahan yang timbul. (Mohamad Azhan Yahya et al, 2021). Terdapat lima kaedah fiqh yang asas dan kaedah yang penting dalam proses pendakwaan adalah keyakinan tidak hilang dengan keraguan. Kaedah ini membawa maksud rasa ragu-ragu (*syak*) dan was-was tidak dapat menghapuskan yakin seseorang (Abdul Manan Ismail, 2005). Dalam konteks ini, jika seseorang yakin tentang sesuatu perkara, keyakinan tersebut tidak boleh dihapuskan hanya kerana timbul keraguan.

Kaedah ini juga menekankan bahawa sesuatu yang telah diyakini tidak akan terhapus dengan kedatangan keraguan, melainkan dihilangkan oleh *yaqin* (keyakinan) yang sama kuat atau lebih kuat. Prinsip ini berfungsi sebagai panduan dalam membuat keputusan hukum dan mencegah individu dari terjebak dalam ketidakpastian dan kebimbangan yang berlebihan. Ia juga memainkan peranan penting dalam proses penghakiman, di mana hakim perlu berpegang kepada fakta yang diyakini dan tidak terpengaruh oleh keraguan yang tidak berasas. Dalil bagi kaedah ini boleh didapati dalam surah Yunus ayat 32 yang bermaksud:

﴿ فَذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ الْحَقُّ ۖ فَمَاذَا بَعَدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ ۗ فَأَنَّى تُصْرَفُونَ ﴾

Maksudnya, “Dan kebanyakan mereka tidak mengikutinya kecuali sangkaan saja. Sesungguhnya sangkaan itu tidak sedikit pun berguna untuk mencapai kebenaran, sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang mereka kerjakan.” (al-Quran. Yunus: 32).

Berdasarkan dalil Al-Quran di atas, jelaslah bahawa dalam perbicaraan kes syariah, bukti keterangan yang jelas dan tidak mengandungi sebarang keraguan perlu dikemukakan bagi tujuan pendakwaan. Sebagai contoh, dalam kes pendakwaan, jika terdapat bukti yang kukuh dan jelas mengenai kesalahan tertuduh, bukti tersebut tidak boleh diketepikan hanya kerana terdapat keraguan yang tidak berasas atau tidak cukup kuat untuk menafikan bukti asal. Hal ini memastikan bahawa keputusan dibuat berdasarkan keyakinan yang kukuh dan bukti yang jelas, bukan atas dasar keraguan yang boleh mengaburkan kebenaran.

Pada masa yang sama, keterangan yang jelas tanpa keraguan sebagai tahap pembuktian *qarinah* adalah penting agar ia boleh diterima sebagai bukti yang kukuh dalam suatu kes bagi membolehkan hakim membuat keputusan. Bagi memenuhi keperluan tahap pembuktian *qarinah*, sebuah keterangan perlulah disokong juga oleh keterangan lain bagi membentuk suatu rantaian keterangan. Seperti yang telah dibincangkan di atas, ini adalah bertepatan dengan konsep *circumstantial evidence* (rantaian keterangan) yang sudah sekian lama diguna pakai di bawah undang-undang sivil dan kini juga diaplikasikan dalam bidang syariah.

Antara contoh keterangan lain yang boleh dikemukakan bagi membentuk suatu *qarinah* yang kuat adalah keterangan saksi ataupun keterangan pakar. Sebagai contoh, di dalam satu kes fasakh di Mahkamah Syariah Parit Buntar Perak, sebuah pemacu kilat USB telah dikemukakan sebagai bukti bagi menunjukkan bahawa defendan telah melakukan perbuatan tidak bermoral yang merupakan asas kepada tuntutan ini. Pemacu kilat USB itu mengandungi video perbuatan defendan yang dirakam oleh defendan sendiri dan disimpan ke dalam emel dan apabila plaintif menjumpainya, video itu disalin ke dalam pemacu kilat USB tersebut. Mahkamah mengarahkan supaya rakaman tersebut diperiksa bagi menentukan kesahihannya lalu rakaman tersebut diserahkan kepada jabatan forensik. Berdasarkan kes ini, dapat dilihat bahawa keterangan dokumen elektronik diterima di mahkamah iaitu pemacu kilat USB tersebut dan keterangan tersebut perlu dibuktikan dengan keterangan yang lain seperti keterangan pakar bagi membuktikan kesahihannya (Mohamad Azhan Yahya et.al, 2020).

### **Pengemukaan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah**

Dalam kes pendakwaan jenayah di Mahkamah Syariah, dokumen merupakan antara bentuk keterangan yang diterima. Menurut Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, dokumen termasuklah apa-apa yang dirakam, disimpan, atau diproses oleh komputer, menjadikannya sebagai dokumen elektronik yang sah. Ini bermaksud dokumen yang dihasilkan daripada peranti elektronik boleh diterima sebagai bukti di mahkamah.

Seksyen 63 enakmen yang sama memperuntukkan beberapa anggapan ke atas dokumen yang dikemukakan di mahkamah, termasuk anggapan bahawa dokumen tersebut adalah tulen dan kandungannya adalah benar, melainkan dibuktikan sebaliknya. Pembuktian dokumen boleh dilakukan melalui keterangan primer atau sekunder seperti yang dijelaskan dalam Seksyen 48 hingga 50. Dokumen asal dianggap sebagai keterangan primer, manakala salinan hanya diterima sebagai keterangan sekunder jika keterangan primer tidak dapat dikemukakan.

Di bawah Seksyen 49, dokumen yang dihasilkan oleh komputer dianggap sebagai keterangan primer. Ini menunjukkan bahawa dokumen elektronik mempunyai nilai perundangan yang sama dengan dokumen fizikal asal dan boleh diterima terus sebagai bukti utama. Seksyen 50 pula menggariskan jenis-jenis keterangan sekunder yang boleh diterima, dengan syarat tertentu.

Selain itu, Seksyen 56 menjelaskan cara pembuktian dokumen, termasuk melalui penerangan saksi atau keterangan pakar. Walau bagaimanapun, seksyen ini lebih tertumpu kepada dokumen bertulis dan tidak secara khusus menyentuh tentang pembuktian dokumen elektronik. Jika penghasilan dokumen tidak dinafikan oleh pihak yang terlibat, peruntukan ini tidak terpakai.

Oleh itu, meskipun Enakmen ini mengiktiraf dokumen elektronik sebagai bukti, masih belum wujud prosedur khusus bagi pembuktian dokumen elektronik secara terperinci dalam kerangka undang-undang Syariah. Hal ini menunjukkan wujudnya kekosongan undang-undang yang perlu diisi, khususnya dalam menangani kes-kes jenayah siber seperti ajaran sesat di media sosial.

Dalam masa yang sama, Akta Keterangan 1950 merupakan kerangka undang-undang sivil yang menyenaraikan peruntukan berhubung undang-undang keterangan yang digunakan dalam sesuatu prosiding. Di bawah akta ini, dokumen termasuk dalam salah satu bentuk keterangan yang diterima di mahkamah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 3, termasuk juga takrifan bagi perkataan *komputer*.

Seterusnya, menurut seksyen 80, dokumen yang dikemukakan di hadapan mahkamah sebagai keterangan hendaklah dianggap tulen dan pernyataan yang dibuat oleh orang yang menandatangani tentang keadaan dokumen itu diambil adalah benar serta telah dilakukan dengan sewajarnya. Berbeza dengan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, Akta Keterangan mempunyai peruntukan khusus bagi pembuktian dokumen elektronik di bawah seksyen 90A.

Dalam kes *Mohd Ali bin Jaafar v Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ 210, bukti dalam bentuk pita rakaman perbualan tertuduh telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Mahkamah menerima pita rakaman tersebut sebagai bukti setelah menilai kesahihannya, dan ia diterima sebagai dokumen bagi tujuan sabitan. Ini adalah selaras dengan seksyen 90A(1) yang memperuntukkan bahawa dokumen yang dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan biasa penggunaannya boleh diterima sebagai keterangan dalam prosiding sivil atau jenayah. Subseksyen 90A(2) hingga 90A(7) turut memperincikan maksud dokumen komputer serta syarat penerimaannya sebagai keterangan.

Manakala, seksyen 114A Akta Keterangan 1950 pula merupakan suatu peruntukan berkaitan anggapan statutori berhubung sesuatu penerbitan. Contohnya, di bawah seksyen 114A(1), jika nama, gambar atau nama samaran seseorang muncul dalam penerbitan sebagai pemilik, hos, pentadbir, editor, sub-editor atau sebagai pihak yang memudahkan penerbitan, maka orang itu dianggap telah menerbitkan kandungan tersebut kecuali jika dibuktikan sebaliknya. Seksyen 114A(2) pula memperuntukkan anggapan bahawa seseorang yang berdaftar dengan penyedia perkhidmatan Internet dianggap sebagai pihak yang menerbitkan penerbitan tersebut. Manakala, seksyen 114A(3)

memperuntukkan bahawa seseorang yang memiliki dan mengawal komputer yang mengeluarkan penerbitan dianggap telah menerbitkan kandungan tersebut melainkan dibuktikan sebaliknya.

Ketiga-tiga subseksyen ini telah diguna pakai dalam kes *Ahmad Abd Jalil v Public Prosecutor* [2015] 5 CLJ 480, di mana pihak pendakwa berjaya membuktikan kesemua anggapan tersebut terhadap tertuduh. Berdasarkan seksyen 114A(1), tertuduh dianggap telah menerbitkan atau menerbitkan semula penerbitan apabila ID beliau digunakan dalam penerbitan tersebut. Di bawah seksyen 114A(2), tertuduh yang berdaftar dengan ID tertentu dalam Database Server Skyped dianggap sebagai pihak yang menerbitkan kandungan berkenaan. Seterusnya, seksyen 114A(3) digunakan apabila tertuduh didapati memiliki komputer yang mengeluarkan penerbitan terbabit. Pendakwa membuktikan hal ini melalui rekod kehadiran dan cuti kerja tertuduh yang menunjukkan hanya beliau yang berada di premis dan mempunyai akses kepada sistem ketika penerbitan itu dilakukan.

Berdasarkan dapatan di atas, dapat dilihat bahawa undang-undang sivil telah menyediakan garis panduan lengkap bagi pembuktian dokumen elektronik, terutamanya melalui seksyen 90A. Namun, ketiadaan peruntukan yang serupa di bawah kerangka undang-undang Syariah menimbulkan masalah khususnya bagi kes-kes jenayah di alam siber seperti penyebaran ajaran sesat. Dalam keadaan di mana pendakwa ingin mengemukakan dokumen elektronik sebagai bukti, tiada panduan yang menggariskan kaedah pembuktiannya. Hal ini menyukarkan pendakwa syarie untuk membuktikan kes tanpa keterangan yang mencukupi dan boleh diterima.

Sebagai contoh, dalam kes penyebaran ajaran sesat melalui platform seperti Facebook atau TikTok, bukti digital amat penting untuk mensabitkan kesalahan. Maka, suatu garis panduan pembuktian diperlukan untuk menunjukkan ketulenan dan kaitan dokumen elektronik itu dengan tertuduh. Tanpa garis panduan sedemikian, prosiding akan menjadi rumit dan tertuduh mungkin terlepas daripada sabitan akibat keterangan yang lemah.

Tambahan pula, ketiadaan garis panduan ini juga memberi kesan kepada pematuhan terhadap konsep qarinah (rantai keterangan) dalam Syariah. Seperti yang dijelaskan oleh Dr. Wahbah al-Zuhaili, perlu wujud hubungan yang jelas antara fakta yang diketahui dengan fakta yang dipertikaikan. Proses pembuktian melalui qarinah perlu teliti bagi memastikan keadilan dalam pendakwaan. Prinsip bahawa seseorang tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mestilah dihormati, dan bukti yang dikemukakan mesti memenuhi piawai untuk diterima di mahkamah.

Peranan mahkamah adalah untuk menilai semua keterangan yang dikemukakan dan membuat keputusan yang adil berdasarkan bukti. Oleh itu, dokumen elektronik juga perlu melalui proses pembuktian untuk membolehkannya diterima sebagai asas kepada penghakiman. Walaupun pendakwa syarie bertanggungjawab mendakwa kesalahan, mahkamah hendaklah menjamin hak tertuduh untuk mempertahankan diri dengan adil. Dalam konteks jenayah siber Syariah, proses ini amat memerlukan bukti digital yang sah dan terbukti keterkaitannya dengan tertuduh.

Namun, kerangka undang-undang Syariah semasa seperti Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 masih belum menyediakan peruntukan yang lengkap berkaitan pembuktian dokumen elektronik. Walaupun definisi dokumen termasuk dokumen elektronik, seksyen 56 enakmen tersebut hanya memberikan garis panduan bagi dokumen bertulis. Ini jelas menunjukkan wujudnya kelompangan undang-undang yang menyukarkan pendakwaan dalam kes melibatkan jenayah siber.

Ketika kes-kes jenayah siber semakin meningkat seperti penyebaran ajaran sesat kelemahan ini seharusnya segera ditangani. Undang-undang sivil telah memperkenalkan peruntukan berkaitan sejak tahun 1993 dan banyak kes telah diselesaikan dengan merujuk kepada seksyen 90A. Sebaliknya, sistem Syariah masih ketinggalan walaupun keperluan kepada peruntukan sedemikian sangat mendesak.

Contoh penting ialah kes utama berkaitan seksyen 90A iaitu *Gnanasegaran a/l Pararajasingam v Public Prosecutor* [1997] 4 CLJ 6, di mana mahkamah menegaskan bahawa kesemua tujuh subseksyen perlu dibaca bersama. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan bahawa

dokumen yang dikeluarkan oleh komputer hanya boleh diterima jika dua prinsip dipenuhi: (i) dokumen tersebut dikeluarkan oleh komputer, dan (ii) dokumen itu dikeluarkan dalam perjalanan biasa penggunaannya. Pembuktian bagi prinsip kedua ini perlu dibuat melalui perakuan seperti diperuntukkan dalam seksyen 90A(2).

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, bagi menyelesaikan masalah pengemukaan dokumen elektronik sebagai keterangan di Mahkamah Syariah, terdapat dua perkara utama yang perlu diberi perhatian. Pertama, perlu diwujudkan suatu mekanisme yang jelas untuk menilai qarinah sebenar bagi tujuan pembuktian di mahkamah. Untuk melaksanakannya, takrif qarinah dalam konteks undang-undang Syariah perlu diperjelaskan, misalnya berdasarkan takrifan yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim yang menekankan aspek petunjuk yang kuat dan menyokong kebenaran sesuatu dakwaan.

Kedua, kerangka undang-undang keterangan Syariah wajar diperkasa dengan merujuk kepada peruntukan seperti Seksyen 90A Akta Keterangan 1950. Peruntukan ini menyediakan garis panduan yang spesifik bagi pembuktian dokumen elektronik, dan boleh dijadikan model untuk menggubal peruntukan seumpamanya dalam enakmen Syariah. Dengan adanya garis panduan yang lengkap dan jelas, pengendalian kes jenayah Syariah dalam alam siber, khususnya berkaitan ajaran sesat dan penyebaran maklumat palsu, dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, teratur, dan efisien. Langkah ini bukan sahaja akan memudahkan tugas pendakwaan dan kehakiman, malah turut memberi perlindungan serta manfaat yang lebih menyeluruh kepada umat Islam di Malaysia selaras dengan prinsip maqasid Syariah.

### **PENGHARGAAN**

Penghargaan untuk Geran Kompetitif Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UU-2024-017) kerana menyumbang dana dalam penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

#### **Buku**

Lukman Abdul Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail dan Abd Hamid Abd Murad. (2018). *Al-Qarinah Dalam Hukum Hudud*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### **Jurnal**

Abdul Manan Ismail (2005). Kaedah-Kaedah Fiqh: Satu Pengenalan Ringkas. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang – Siri 2/2005*.

Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya, Ramalinggam Rajamanickam, Melissa Hsu Tzu-Hsin, Muhammad Muhaimin Mohd Subki, Nurasyraf Fahmi Azahari, Jeevitha Raja dan Syaidatul Syaffiqah Muhamad (2022). Prinsip Rantaian Jagaan dan Rantaian Keterangan: Keperluan kepada Pengiktirafan dan Pengaplikasian dalam Perbicaraan Kes Syariah di Malaysia: Principles of Chain of Custody and Chain of Evidence: The Need for Recognition and Application in Malaysian Syariah Case. *Journal of Muwafaqat*, 5(1), 17-32.

Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, Azizah Mat Rashid dan Fatimah Yusro Hashim (2020). Pengemukaan Dokumen Elektronik sebagai Keterangan dalam Perbicaraan Mahkamah Syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 27, 55.

Mohamad Azhan Yahya, Hammad Mohamad Dahalan dan Suhaizad Saifuddin. (2021). Analisis Proses Pengumpulan Keterangan Dokumen Elektronik dalam Kes Jenayah Syariah. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 43, 17-28.

Mohd Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori, Mohamad Azhan Yahya. (2021). Position of fatwa in the constitution: a legal analysis. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 29 (4), 2171-2188.

Noor Raihan Jusidin dan Zuliza Mohd Kusrin (2018). The Propagation Of Doctrine Of Deviant Religious Teachings In The Cyber Net: Penyebaran Doktrin Ajaran Sesat Di Alam Siber. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 10(1), 42-62.

### **Akta**

Akta Keterangan 1950

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor 2003

### **Internet**

Apa yang bahaya dengan ajaran sesat Millah Abraham? (2022, Disember 22) <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/12/917973/apa-yang-bahaya-dengan-ajaran-sesat-millah-abraham> (diakses pada 29 Jun 2024).

Definisi Ajaran menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ajaran> (diakses pada 20 Jun 2024).

Falsafah 'Ahmadi' jelas bercanggah ajaran Islam - IKIM. (Mac 14, 2024) <https://www.sinarharian.com.my/article/654415/berita/semasa/falsafah-ahmadi-jelas-bercanggah-ajaran-islam---ikim> (diakses pada 29 Jun 2024).

KENALI ANTARA CIRI-CIRI AJARAN SESAT (2023) <https://mais.gov.my/artikel-dakwah/kenali-antara-ciri-ciri-ajaran-sesat/> (diakses pada 25 September 2024).

### **Kes**

*Ahmad Abd Jalil v Public Prosecutor* [2015] 5 CLJ 480

*Gnanasegaran a/l Pararajasingam v Public Prosecutor* [1997] 4 CLJ 6

*Mohd Ali Bin. Jaafar v Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ 210

*Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Fatimah* [1987] JH V Bhg II 321

*Zabariah binti Mat Piah lwn Syed Abas bin Syed Ibrahim*, Kes Mal No: 06100-041-0422-2008

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*